

Artikel 18

Setiap orang adalah berhak kepada kebebasan berfikir, hati nurani dan agama; hak ini termasuklah kebebasan menukar agama atau kepercayaan, dan kebebasan, samada secara berseorangan atau secara bersama dengan orang lain dan secara terbuka atau bersendirian, untuk menganuti agama atau kepercayaannya melalui pengajaran, amalan, pemujaan dan pematuhan.

Artikel 19

Setiap orang adalah hak kepada kebebasan berpendapat dan bersuara; hak ini termasuklah kebebasan menyatakan pendapat tanpa gangguan dan menuntut, menerima dan menyebarkan maklumat dan buah fikiran melalui sebarang media dan tanpa sempadan.

Artikel 20

1. Setiap orang adalah berhak kepada kebebasan berhimpun secara aman dan menubuhkan persatuan.
2. Tiada seseorang pun boleh dipaksa menjadi ahli mana-mana pertubuhan.

Artikel 21

1. Setiap orang berhak mengambil bahagian dalam kerajaan negaranya, secara langsung atau melalui wakil-wakil yang dipilih dengan bebas.
2. Setiap orang adalah berhak kepada peluang saksama kepada perkhidmatan awam dalam negaranya.
3. Kemahuan rakyat hendaklah menjadi asas kewibawaan kerajaan; kemahuan ini hendaklah dilahirkan melalui pilihan raya berkala dan tulen yang seharusnya diadakan melalui pengundian sejagat dan saksama dan diadakan secara undi sulit atau melalui prosedur pengundian bebas yang serupa.

Artikel 22

Setiap orang sebagai anggota masyarakat, adalah berhak kepada keselamatan sosial dan berhak menjadikannya suatu kenyataan, melalui usaha negara dan kerjasama antarabangsa dan menurut organisasi dan sumber-sumber dalam negara masing-masing, hak-hak ekonomi, sosial dan kebudayaan yang sangat diperlukan bagi maruahannya dan perkembangan bebas keperibadiannya.

Artikel 23

1. Setiap orang adalah berhak kepada pekerjaan, kepada pemilihan pekerjaannya secara bebas, kepada keadaan-keadaan pekerjaan yang adil dan memuaskan baginya dan kepada perlindungan daripada pengangguran.

2. Setiap orang, tanpa sebarang diskriminasi, berhak menerima gaji yang setimpal dengan kerja.
3. Setiap orang yang bekerja adalah berhak kepada ganjaran yang adil dan memuaskan baginya untuk menjamin diri dan keluarganya suatu kehidupan yang setimpal dengan maruah seorang manusia, dan ditambah, jika perlu, oleh perlindungan sosial yang lainnya.
4. Setiap orang adalah berhak untuk menubuhkan dan menjadi ahli kesatuan sekerja bagi perlindungan kepentingan-kepentingannya.

Artikel 24

Setiap orang adalah berhak kepada rehat dan masa lapang, termasuk batasan masa bekerja yang munasabah dan cuti gaji berkala.

Artikel 25

1. Setiap orang adalah berhak kepada suatu taraf hidup yang mencukupi bagi kesihatan dan kesejahteraan dirinya dan keluarganya, termasuklah makanan, pakaian, perumahan dan rawatan perubatan serta perkhidmatan sosial yang perlu, dan hak kepada perlindungan ketika berlakunya pengangguran, keuzuran, ketidakupayaan, menjadi balu, lanjut usia atau lain-lain kekurangan kehidupan dalam keadaan di luar kawalannya.
2. Ibu dan anak adalah berhak kepada penjagaan serta bantuan khas. Semua kanak-kanak, samada dilahirkan secara sah mahupun di luar nikah, akan menikmati perlindungan sosial yang sama.

Artikel 26

1. Setiap orang adalah berhak kepada pendidikan. Pendidikan hendaklah diberikan percuma, sekurang-kurangnya pada peringkat awal dan asas. Pendidikan peringkat awal hendaklah diwajibkan. Pendidikan teknikal serta profesional hendaklah disediakan untuk umum dan pendidikan tinggi hendaklah mempunyai akses yang saksama kepada semua orang atas dasar kebolehan.
2. Pendidikan hendaklah disasarkan kepada perkembangan sepenuhnya keperibadian manusia dan ke arah memperkukuhkan lagi rasa hormat bagi hak-hak dan kebebasan asasi manusia, ianya hendaklah memupuk persefahaman, toleransi dan persahabatan di kalangan semua negara, bangsa atau kumpulan-kumpulan agama, dan hendaklah memajukan segala kegiatan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi tujuan memelihara keamanan.

3. Ibu-bapa mempunyai hak utama untuk memilih bentuk pendidikan yang akan diberikan kepada anak-anak mereka.

Artikel 27

1. Setiap orang mempunyai hak secara bebas untuk mengambil bahagian dalam kegiatan kebudayaan masyarakatnya, menikmati kesenian dan berkongsi kemajuan sains dan faedah-faedahnya.
2. Setiap orang adalah berhak kepada perlindungan kepentingan-kepentingan moral dan kebendaan hasil daripada sebarang penghasilan sains, kesusasteraan atau kesenian yang diciptanya.

Artikel 28

Setiap orang adalah berhak kepada suatu susunan sosial dan antarabangsa yang mana hak-hak dan kebebasan-kebebasan yang termaktub dalam Perisytiharan ini boleh dijadikan kenyataan sepenuhnya.

Artikel 29

1. Setiap orang mempunyai kewajiban terhadap masyarakat hanya dalam mana perkembangan keperibadiannya secara bebas dan sepenuhnya boleh dicapai.
2. Dalam mengamalkan hak-hak dan kebebasannya, setiap orang tertakluk hanya kepada batasan-batasan seperti yang ditentukan oleh undang-undang semata-mata bagi tujuan menjamin pengiktirafan dan penghormatan yang sepatutnya terhadap hak-hak dan kebebasan orang lain dan untuk memenuhi keperluan-keperluan moral, ketenteraman awam dan kebajikan umum yang munasabah dalam suatu masyarakat yang demokratik.

3. Hak-hak dan kebebasan ini tidak boleh sama sekali diamalkan secara bertentangan dengan tujuan dan prinsip-prinsip Bangsa-Bangsa Bersatu.

Artikel 30

Tiada apa-apa jua dalam Perisytiharan ini boleh ditafsirkan sebagai sedia tersirat memberikan kepada mana-mana negara, kumpulan atau perseorangan sebarang hak untuk melibatkan diri dalam apa-apa kegiatan atau melakukan apa-apa perbuatan dengan tujuan memusnahkan mana-mana hak dan kebebasan yang termaktub dalam Perisytiharan ini.

Penafian: Dokumen ini adalah terjemahan tidak rasmi bagi Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat.

NOTA



KENALI HAK ANDA

**PERISYTIHARAN
HAK ASASI
MANUSIA
SEJAGAT**

PERISYTIHARAN HAK ASASI MANUSIA SEJAGAT

MUKADIMAH

Bahawasanya pengiktirafan ke atas kemuliaan yang sedia wujud serta hak-hak yang saksama dan tak terpisah bagi seluruh umat manusia adalah asas kebebasan, keadilan dan kedamaian dunia,

Bahawasanya pengabaian serta penghinaan terhadap hak asasi manusia telah pun mengakibatkan tindakan-tindakan kejam yang telah mencabul hati nurani umat manusia, dan kemunculan sebuah dunia di mana manusia akan menikmati kebebasan bersuara dan menganut kepercayaan serta kebebasan dari perasaan takut dan keperluan hidup telah pun diisytiharkan sebagai inspirasi teragung bagi seluruh umat manusia,

Bahawasanya adalah penting, jika manusia tidak mahu diletakkan dalam keadaan terdesak untuk bertindak, sebagai langkah terakhir, untuk memberontak menentang kezaliman serta penindasan, maka hak asasi manusia harus dipertahankan oleh undang-undang,

Bahawasanya adalah penting untuk menggalakkan perkembangan hubungan baik di antara negara-negara,

Bahawasanya rakyat Negara-Negara Anggota Bangsa-Bangsa Bersatu, dalam Piagamnya menegaskan semula kepercayaan mereka terhadap hak asasi manusia, terhadap kemuliaan serta nilai diri manusia dan terhadap hak-hak saksama lelaki dan wanita dan telah beriltizam untuk memajukan perkembangan sosial dan taraf hidup yang lebih sempurna dalam suasana kebebasan yang lebih luas,

Bahawasanya Negara-Negara Anggota telah berikrar untuk bersama-sama mencapai, dengan kerjasama Bangsa-Bangsa Bersatu, penyebaran rasa hormat yang sejagat terhadap serta pematuhan kepada, hak asasi manusia dan kebebasan asas.

Bahawasanya satu kefahaman terhadap hak-hak serta kebebasan-kebebasan ini adalah amat penting sekali demi pencapaian sepenuhnya ikrar ini,

MAKA DENGAN INI

Perhimpunan Agung mengisytiharkan Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat ini sebagai suatu ukuran bersama terhadap pencapaian oleh seluruh umat manusia dan kesemua negara, dengan tujuan supaya setiap individu dan setiap badan masyarakat, dengan senantiasa menyedari Perisytiharan ini akan berazam melalui pengajaran dan pendidikan bagi menggalakkan rasa hormat terhadap hak-hak dan kebebasan ini dan melalui langkah-langkah secara berperingkat, di tahap negara dan antarabangsa bagi menjamin pengiktirafan dan pematuhan hak-hak dan kebebasan-kebebasan ini yang sejagat serta berkesan, baik di kalangan sesama rakyat Negara-Negara Anggota dan juga di kalangan rakyat wilayah-wilayah di bawah bidang kuasa mereka.

Artikel 1

Semua manusia dilahirkan bebas dan saksama dari segi kemuliaan dan hak-hak. Mereka dianugerahkan dengan fikiran serta hati nurani dan akan bertindak terhadap satu sama lain dengan semangat persaudaraan.

Artikel 2

Setiap orang adalah berhak kepada semua hak-hak dan kebebasan yang termaktub dalam Perisytiharan ini, tanpa sebarang apa jua perbezaan, seperti bangsa, warna kulit, jantina, bahasa, agama, fahaman politik atau lain-lain fahaman, asal-usul bangsa keturunan atau sosial, harta-benda, kelahirannya atau apa-apa taraf lain. Tambahan lagi, tiada sebarang perbezaan boleh dibuat berasaskan pada taraf politik atau bidangkuasa ataupun status antarabangsa sesebuah negara atau wilayah datangnya seseorang itu, samaada ianya merdeka, beramanah, tanpa pemerintahan sendiri atau berada di bawah apa-apa sekatan kedaulatan lainnya.

Artikel 3

Setiap orang adalah berhak kepada nyawa, kebebasan dan keselamatan diri.

Artikel 4

Tiada seseorang pun boleh diperhamba atau diperabdikan; perhambaan dan dagangan hamba abdi hendaklah dilarang dalam apa jua bentuk.

Artikel 5

Tiada seseorang pun boleh dikenakan seksaan atau layanan atau hukuman yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah.

Artikel 6

Setiap orang adalah berhak kepada pengiktirafan di mana jua sebagai seorang insan di sisi undang-undang.

Artikel 7

Semua orang adalah saksama di sisi undang-undang dan berhak tanpa apa-apa perbezaan kepada perlindungan yang saksama di sisi undang-undang. Semua orang adalah berhak kepada perlindungan yang saksama daripada sebarang perbezaan yang melanggar Perisytiharan ini dan daripada sebarang hasutan terhadap perbezaan sedemikian.

Artikel 8

Setiap orang adalah berhak kepada pemulihan yang berkesan oleh tribunal-tribunal kebangsaan yang berkemampuan terhadap tindakan-tindakan yang melanggar hak-hak asasi yang diberi kepadanya oleh perlembagaan atau oleh undang-undang.

Artikel 9

Tiada seseorang pun boleh dikenakan tangkapan, tahanan atau dibuang negeri sewenang-wenangnya.

Artikel 10

Setiap orang adalah berhak dengan saksama sepenuhnya kepada perbicaraan adil dan terbuka oleh suatu tribunal bebas dan saksama, dalam penetapan hak-hak dan tanggungannya dan sebarang tuduhan jenayah terhadapnya.

Artikel 11

1. Setiap orang yang dituduh dengan kesalahan jenayah adalah berhak dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan salah menurut undang-undang di dalam perbicaraan terbuka di mana dia telah diberikan segala jaminan yang perlu untuk pembelaannya.
2. Tiada seseorang pun boleh disabitkan atas sebarang kesalahan jenayah berdasarkan sebarang perbuatan atau kesilapan yang bukan merupakan suatu kesalahan jenayah, di sisi undang-undang negara atau antarabangsa, pada masa ianya dilakukan. Tiada seseorang pula boleh dikenakan sebarang hukuman yang lebih berat dari hukuman yang terpakai ketika kesalahan jenayah itu dilakukan.

Artikel 12

Tiada seseorang pun boleh dikenakan sebarang gangguan sewenang-wenangnya terhadap peribadi, keluarga, rumahtangga atau surat-menyuratnya, mahupun percerobohan ke atas maruah dan nama baiknya. Setiap orang berhak kepada perlindungan undang-undang terhadap gangguan atau percerobohan sedemikian.

Artikel 13

1. Setiap orang adalah berhak kepada kebebasan bergerak dan bermastautin di dalam sempadan sesebuah negara.
2. Setiap orang berhak meninggalkan mana-mana negara, termasuk negaranya sendiri, dan kembali semula ke negaranya.

Artikel 14

1. Setiap orang berhak memohon dan menikmati perlindungan politik dalam negara lain daripada sebarang penganiayaan.
2. Hak ini tidak boleh dituntut bagi pendakwaan yang benar-benar timbul daripada kesalahan bukan politik atau daripada tindakan yang bertentangan dengan tujuan-tujuan dan prinsip-prinsip Bangsa-Bangsa Bersatu.

Artikel 15

1. Setiap orang adalah berhak kepada kewarganegaraan.
2. Tiada seseorang pun boleh dilucutkan kewarganegaraannya dengan sewenang-wenangnya atau dinafikan hak menukar kewarganegaraannya.

Artikel 16

1. Lelaki dan wanita dewasa, tanpa sebarang sekatan berasaskan bangsa, kewarganegaraan atau agama, berhak untuk berkahwin dan mendirikan keluarga. Mereka adalah berhak kepada hak-hak saksama berhubung dengan perkahwinan, dalam tempoh masa perkahwinan dan pada pembubarannya.
2. Perkahwinan hanya boleh dilaksanakan dengan persetujuan bebas dan sepenuhnya oleh pasangan-pasangan yang bercadang untuk berkahwin.
3. Keluarga adalah unit kumpulan semulajadi dan asasi dalam masyarakat dan adalah berhak kepada perlindungan oleh masyarakat dan Negara.

Artikel 17

1. Setiap orang berhak memiliki harta secara bersendirian serta secara berkongsi dengan orang lain.
2. Tiada seseorang pun boleh dinafikan harta-bendanya secara sewenang-wenangnya.



Gambar oleh:
1. Sawlihim bin Bakar 2. Tan Ee Long 3. Ahmad Nazran bin Ashari
Pertandingan Fotografi Hak Asasi Manusia 2019

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

Tingkat 11, Menara TH Perdana, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur
Tel: 603-2612 5600 Faks: 603-2612 5620
Aduan: complaints@suhakam.org.my
Emel: humanrights@suhakam.org.my

Pejabat Sabah

Suite E1, Tingkat 8, CPS Tower, No. 1, Jalan Centre Point
88000 Kota Kinabalu, Sabah
Tel: 6088-317 405 Faks: 6088-317 406
Emel: sabah@suhakam.org.my

Pejabat Sarawak

Suite 8.01, 8.02 & 8.03, Tingkat 8, Tun Jugah Tower
18, Jalan Tunku Abdul Rahman, 93100 Kuching, Sarawak
Tel: 6082-234 650 Faks: 6082-254 937
Emel: sarawak@suhakam.org.my

: <http://www.facebook.com/SUHAKAM>

: <http://twitter.com/SUHAKAM>

: <http://www.suhakam.org.my>